

**Najib Ucap Tahniah Jerman Menang Piala Dunia 2014**  
**Bernamea**  
**July 14, 2014**

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak Jerman yang memenangi perlawanan akhir Piala Dunia 2014 selepas menewaskan Argentina 1-0, di Stadium Maracana, Rio de Janeiro, Brazil, awal pagi Isnin.

"Perlawanan Final Piala Dunia yang mendebarkan! Syabas, Jerman, juara Baharu Dunia. Argentina adalah lawan yang hebat," kata Perdana Menteri menerusi catatan terbaharu laman Twitternya.

Bintang Bayern Munich, Mario Goetze menjaringkan gol tunggal perlawanan pada minit ke-113. Ini merupakan kejuaraan Piala Dunia keempat untuk Jerman.

Pada awal pagi, Najib menyertai 25,000 peminat bola sepak menonton Perlawanan akhir Piala Dunia melalui skrin besar di Dataran Merdeka bersama-sama Menteri Belia dan Menteri Sukan Khairy Jamaluddin serta Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Senator Datuk Dr J. Loga Bala Mohan.

'Fiesta Samba Brazil' itu dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053401>